

**CORAK PERBELANJAAN WANG PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN  
TINGGI NEGARA (PTPTN): KAJIAN KES DI UNIVERSITI TEKNOLOGI  
MARA (UiTM) ZON UTARA (KAMPUS BUKIT MERTAJAM, KAMPUS  
SUNGAI PETANI DAN KAMPUS ARAU)**

**DISEDIAKAN OLEH:**

**NORMALA ISMAIL**

**NOOR SALIZA ZAINAL**

**SOFIAH MOLEK LOPE AMAN SHAH**

**MAZNAH WAN OMAR**

**MAC 2003**

Tarikh : 13 Januari 2002  
Nombor Fail Projek : 100 – UiTM (HEA 9 – 9)

Puan Normala Ismail

Pensyarah Ekonomi

Universiti Teknologi MARA (UiTM)

Cawangan Kedah

Kampus Sungai Petani

Puan,

#### **CADANGAN PROJEK PENYELIDIKAN**

Merujuk kepada perkara di atas dimaklumkan bahawa Jawatankuasa Teknikal Penyelidikan yang telah mengadakan mesyuarat pada 13 Januari 2002 telah bersetuju untuk meluluskan projek penyelidikan kumpulan puan yang bertajuk '**Corak Perbelanjaan Wang Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Negara (PTPTN): Kajian Kes Di Universiti Teknologi MARA (UiTM) Zon Utara (Kampus Bukit Mertajam, Kampus Sungai Petani dan Kampus Arau**' dengan beberapa pindaan atau penambahan. Projek ini akan dijalankan secara kumpulan dan puan dengan ini bertanggungjawab sebagai Ketua Projek. Tempoh penyelidikan yang diluluskan adalah selama satu tahun mulai 15 Januari 2002 hingga 14 Januari 2003. Peruntukan penyelidikan yang diluluskan adalah berjumlah RM7,255 70.

## ISI KANDUNGAN

<b>Daftar Ilustrasi</b>	xiii
<b>Abstrak</b>	xv
<b>1.0 Pendahuluan</b>	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Objektif Penyelidikan	3
1.3 Definisi Terma	4
1.4 Penyataan Masalah	8
1.5 Skop Kajian	8
1.6 Rekabentuk Teori	9
1.7 Hipotesis Kajian	10
1.8 Organisasi Kajian	12
<b>2.0 Kajian Literatur</b>	
2.1 Pengenalan	14
2.2 Kajian Literatur	15
<b>3.0 Metodologi Penyelidikan</b>	
3.1 Pengenalan	23
3.2 Rekabentuk Penyelidikan	23
3.3 Kaedah Penyelidikan	24
<b>4.0 Hasil Penyelidikan</b>	
4.1 Pengenalan	35
4.2 Data Deskriptif	35
4.3 Analisis Faktor	44

4.4	Teknik Kebolehpercayaan	46
4.5	Ujian Hipotesis	47
<b>5.0</b>	<b>Kesimpulan Dan Cadangan</b>	
5.1	Pengenalan	77
5.2	Kesimpulan	77
5.3	Limitasi	79
5.4	Cadangan	81
5.5	Penutup	83
	<b>Bibliografi</b>	84
	<b>Lampiran</b>	88
	<b>Tempoh Kaji Selidik</b>	99

## ABSTRAK

Penyelidikan ini bertujuan untuk mengenal pasti secara empirik corak perbelanjaan wang PTPTN di kalangan para pelajar di UiTM Zon Utara Kampus Bukit Mertajam, Kampus Sungai Petani dan Kampus Arau. Penyelidikan ini merupakan suatu kajian lapangan berdasarkan kepada kajian keratan rentas. Kajian ini menggunakan analisis regresi ekonometrik, teknik deskriptif, ujian – t dan analisis varians berasaskan kaedah *Statistical Package For Social Sciences (SPSS)*. Penyelidikan mengkategorikan perbelanjaan wang PTPTN pelajar kepada dua kumpulan iaitu pelajar merancang dan pelajar tidak merancang. Wang PTPTN dibelanjakan oleh pelajar untuk akademik wajib, akademik tidak wajib dan perbelanjaan persendirian. Hasil analisis berganda mendapati bahawa perbelanjaan persendirian merupakan faktor paling dominan mempengaruhi jumlah keseluruhan perbelanjaan wang PTPTN pelajar merancang dan tidak merancang. Hasil analisis varians pula menunjukkan jumlah keseluruhan perbelanjaan wang PTPTN bagi pelajar merancang dan tidak merancang berbeza atas tiga faktor yang sama iaitu kampus cawangan UiTM, bahagian pengajian kini dan program pengajian. Adalah diharapkan hasil penyelidikan ini dapat membantu pihak pengurusan UiTM Zon Utara merangka pelan tindakan yang bersesuaian serta membina kesedaran di kalangan para pelajar terhadap penggunaan wang PTPTN